

Jom Raya Kaw Kaw di Resorts World Genting Sambut Hari Raya Penuh Keceriaan “Bear-y Fun”

Genting Highlands, 12 Mac 2026 – Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini, Resorts World Genting (RWG) menampilkan suasana perayaan yang penuh keceriaan di puncak awan, dengan kehadiran *Care Bears* yang memeriahkan sambutan Raya. Dari 13 Mac hingga 12 April 2026, kempen Jom Raya Kaw Kaw menjemput keluarga dan rakan-rakan untuk meraikan nilai perpaduan, kebaikan serta budaya memberi sempena Syawal.

Di Kimhua Atrium, *Care Bears* menjadi tarikan utama dalam suasana perayaan yang meriah dan penuh warna, direka khas untuk menggembarakan pengunjung daripada semua peringkat usia. Menggabungkan elemen nostalgia budaya pop dengan sentuhan perayaan, ruang ini lengkap dengan hiasan ceria serta dekorasi menarik, menjadikannya lokasi ideal bagi pengunjung merasai kemeriahan Syawal bersama keluarga dan rakan-rakan.

Peminat berpeluang menyertai sesi *Meet and Greet Care Bears* pada hujung minggu dari 14 hingga 28 Mac 2026, serta berpeluang bertemu *Cheer Bear* dan *Grumpy Bear* secara bersemuka, merakam gambar dan mencipta kenangan sempena perayaan. Pengunjung juga boleh mengunjungi kedai pop-up barangan bertema *Care Bears* sepanjang tempoh acara untuk mendapatkan pelbagai barangan dan koleksi eksklusif yang sesuai dijadikan hadiah atau kenangan istimewa.

Pengunjung juga berpeluang menyertai aktiviti interaktif melalui pengalaman *Spend and Participate*. Dengan nilai pembelian yang tertentu, para pengunjung boleh mengambil bahagian dalam Bengkel Lukisan Coaster Raya di Kimhua Atrium pada hujung minggu dari 14 hingga 22 Mac, atau merakam kenangan perayaan di *Care Bears Digital Photobooth*, sekali gus membawa pulang cenderahati Raya yang diperibadikan serta cetakan foto istimewa. Pendaftaran bengkel boleh dilakukan di Kimhua Atrium pada hari pembelian bagi memudahkan penyertaan.

Dalam semangat berkongsi rezeki, kempen Kurma Sejuta Rasa akan berlangsung dari 7 hingga 20 Mac, di mana pengunjung yang mengikuti platform media rasmi SkyAvenue berpeluang menebus pek kurma percuma di Kaunter Informasi Zouk Atrium (Aras 1), tertakluk kepada stok harian yang ada.

Ganjaran perayaan diteruskan melalui program *Syawal Redemption* (Belanja dan Tebus) dari 14 Mac hingga 12 April 2026. Pengunjung yang mencapai jumlah perbelanjaan tertentu berpeluang menebus sampul Raya eksklusif *Care Bears*, baucar beli-belah serta barangan edisi terhad seperti pin khas dan cawan di Kaunter Informasi. Koleksi eksklusif ini hanya ditawarkan sepanjang tempoh kempen, menjadikannya kenangan istimewa bagi sambutan Raya tahun ini.

Sebagai sebahagian daripada kempen Jom Raya Kaw Kaw, RWG menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pada 28 Mac 2026 di Kimhua Atrium, dengan menjemput kanak-kanak kurang berkemampuan untuk turut merasai kemeriahan Hari Raya di resort berkenaan. Dalam semangat Aidilfitri, mereka akan menikmati petang ceria dengan pelbagai aktiviti termasuk sesi *Meet and Greet Care Bears*, aktiviti melukis coaster serta hidangan makanan. Program ini mencerminkan nilai murni musim perayaan seperti kebaikan, kemurahan hati dan kebersamaan, sekali gus mencipta kenangan manis bagi kanak-kanak yang berkunjung.

Di Pavilion Hall, pengunjung disambut dengan hiasan karusel yang memukau sebagai tarikan utama dekorasi perayaan. Struktur unik ini dihiasi motif bulan sabit dan bintang yang berputar perlahan, menjadikannya lokasi menarik untuk bergambar serta menikmati suasana Raya yang meriah. Laluan masuk ke kawasan ini turut dihiasi gerbang berbentuk bintang yang bercahaya, membawa pengunjung melalui laluan magis menuju karusel tersebut. Sekeliling ruang dihiasi gerbang Raya bercahaya serta struktur pelita bersaiz besar, menambah seri suasana dan menjadikan Pavilion Hall sebagai ruang bergambar penuh warna dan cahaya.

Pengunjung juga berpeluang mendapatkan pelbagai barangan Raya di gerai jualan bermusim sekitar Pavilion Hall. Bagi mereka yang gemar aktiviti kreatif, aktiviti seni pasir disediakan bagi membolehkan pengunjung menghasilkan reka bentuk berwarna-warni sendiri dalam suasana santai dan menyeronokkan.

Sepanjang musim perayaan, SkyAvenue menampilkan pelbagai persembahan hiburan harian, termasuk *Raya Mana Dance Show*, *Raya Robot Show*, Wayang Kulit, Cak Lempung, Dikir Barat serta persembahan menarik lain di Kimhua Atrium. Dari 20 hingga 29 Mac 2026, barisan hiburan diperluaskan dengan persembahan tarian tradisional di Kimhua Atrium dan Pavilion Hall. Pengunjung juga berpeluang berinteraksi dengan para penari melalui sesi *meet and greet*, sekali gus memeriahkan suasana perayaan.

Kemeriahan Raya turut diserikan dengan pelbagai pilihan sajian istimewa di sekitar resort. Di Jom Makan SkyAvenue (Aras G), pengunjung boleh menikmati Set Setalam Aidilfitri sehingga 23 Mac 2026. Dengan harga RM45, pengunjung akan mendapat ayam percik, nasi minyak serta pelbagai hidangan sampingan tradisional, dengan variasi Hari Raya seperti puding jagung dan air bandung.

Sementara itu, Jom Makan Street Food (Aras 4) menawarkan Aneka Kerabu sehingga 23 Mac 2026, menampilkan pelbagai pilihan ulaman dan kerabu tradisional seperti pucuk paku, kerabu mangga, kacang botol dan taugeh, serta pilihan makanan laut dan daging bermula dari RM8 setiap satu. Pilihan minuman istimewa termasuk air jagung dan bandung cincau yang dihidangkan bersama ais krim vanilla, selain teh limau ais yang menyegarkan.

Bagi pengalaman lebih unik, pengunjung boleh mencipta potret keluarga Raya di AI Photobooth dari 12 hingga 22 Mac 2026. Aktiviti ini percuma dengan perbelanjaan minimum RM50 dalam satu resit di Malaysian Food Street atau Jom Makan Street Food, manakala bayaran RM10 dikenakan bagi pengunjung tanpa pembelian minimum.

Untuk kelainan citarasa, Lobby Café menyajikan Ayam Masak Merah bersama nasi tomato penuh aroma, lengkap dengan pilihan pulut hitam dan minuman menyegarkan. Sementara itu, Trattoria Il Lago memperkenalkan Spaghetti Seafood Assam Pedas, yang menggabungkan cita rasa tempatan dengan sentuhan klasik Itali.

Di Resorts World Awana, kemeriahan Raya diteruskan melalui Riang Raya Kaw Kaw dari 9 Mac hingga 5 April 2026. Pengunjung berpeluang menyertai pelbagai aktiviti budaya dan kreatif,

termasuk permainan tradisional Melayu, tulisan kaligrafi Jawi, lukisan batik serta aktiviti mewarna gasing, yang memberi peluang untuk lebih mengenali tradisi Hari Raya.

Bagi pengunjung yang ingin menikmati percutian di tanah tinggi, pakej Cuti-Cuti Raya kini dibuka untuk tempahan sehingga 28 Mac 2026, bagi penginapan dari 20 hingga 29 Mac 2026. Pengunjung boleh memilih daripada enam kategori bilik, termasuk Superior Deluxe (dari RM332 untuk ahli Genting Rewards Card / RM360 untuk bukan ahli), Superior Deluxe Sixer (dari RM432 / RM471), Club Suite (dari RM507 / RM550) dan Executive Suite (dari RM732 / RM800). Bagi kumpulan lebih besar, Villa bermula dari RM1,588, manakala Mansion ditawarkan dari RM1,788.

Setiap penginapan dua hari satu malam turut disertakan pengalaman makan dan aktiviti santai terpilih. Tetamu Villa dan Mansion akan menikmati makan malam perayaan untuk empat orang di Awana Garden, Ayu Awana atau Village Fresh, selain pengalaman Awana Trail secara percuma. Tetamu juga berpeluang menyertai aktiviti riadah seperti *Junior Little Baker*, *Nature Little Planter*, *Little Painter* dan *Wellness Painting*, yang menawarkan pengalaman kreatif berasaskan alam semula jadi.

Jom Raya Kaw Kaw 2026 bukan sekadar sambutan perayaan, tetapi sebuah pertemuan penuh warna di puncak awan yang menggabungkan nostalgia, tradisi dan kemeriahan. Musim ini, pengunjung berpeluang menikmati dekorasi memukau, sajian istimewa serta pelbagai ganjaran menarik, menjadikan sambutan Raya benar-benar 'kaw kaw'.

Untuk maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti platform media rasmi RWG.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf

pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.